

# Projek Pulau Sipadan dibatal

Oleh JAMDI NASIR

**KOTA KINABALU 2**Ogos - Kerajaan Sabah membuat keputusan menamatkan kontrak projek pembangunan prasarana dan kemudahan penyelam di Pulau Sipadan yang sebelum ini mencetuskan kontroversi apabila memusnahkan terumbu karang di situ.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, keputusan mesyuarat Kabinet Sabah itu dibuat selepas meneliti secara terperinci keseluruhan konsep pembangunan di Sipadan.

Menurut beliau, rancangan pembangunan di pulau tersebut dilihat tidak wajar diteruskan kerana keadaan ekosistemnya yang kaya dengan biodiversiti hidupan laut amat sensitif.

"Konsep pembangunan yang dilaksanakan tidak wajar memandangkan keadaan pulau dengan ekosistemnya amat mudah rosak dan kaya dengan hidupan laut.

"Pembangunan akan datang di pulau itu haruslah secara minimal dan mesra alam," katanya kepada pemberita selepas mempeperangi mesyuarat Kabinet negeri di sini hari ini.

Musa memberitahu, selain penamatan kontrak Pembangunan di pulau berkenaan, beliau bertanggungjawab sepenuhnya menyalah projek di Pulau Sipadan.

Beliau berkata, kerajaan pada masa sama akan menimbang cadangan baru yang dike-

**Konsep pembangunan yang dilaksanakan tidak wajar memandangkan keadaan pulau dengan ekosistemnya amat mudah rosak dan kaya dengan hidupan laut**

**MUSA AMAN**  
Ketua Menteri  
Sabah

mukan oleh jawatankuasa bersama Pulau Sipadan.

Jawatankuasa Khas Persekutuan-Negeri tersebut dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk K.Y. Mustafa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini melahirkan rasa kecewa apabila projek Pembangunan di Pulau Sipadan yang bernilai RM4.5 juta diteraskan meskipun telah merosakkan terumbu karang.

Pada 14 Mei lalu, terumbu karang seluas 372.4 meter persegi dikesan musnah apabila kontraktor pembinaan menggunakan tongkang membawa muatan jentera berat dan bertant-ban bahan binaan ke pulau itu.

Berikutan itu, kerajaan negeri membuat keputusan membekukan kerja-kerja pembinaan sehingga satu kajian semula dilakukan oleh Jabatan Pembangunan Alam Sekitar (Lestari) Universiti Kebangsaan Malaysia selesai.

Antara projek yang dirancang di pulau itu ialah kuarters kakitangan Taman-Taman Sa-

bah, kemudahan rehat penyelam serta sistem kumbahan bersifat mesra alam.

Musa berkata, konsep pembangunan baru sebagai ganti kepada perancangan sedia ada mungkin dapat disiapkan dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi.

Ditanya kemungkinan kerajaan negeri dikenakan tindakan undang-undang berikutan pembatalan kontrak itu, beliau berkata, kerajaan negeri lebih mengutamakan nilai alam sekitar daripada nilai projek.

Serentak itu juga katanya, kerajaan negeri memutuskan untuk menyusun semula pengurusan Taman-Taman Sabah yang merupakan badan bertanggungjawab mentadbir kawasan pulau yang tersenarai sebagai tercantik di dunia.

"Keputusan ini diambil ekoran beberapa insiden yang tidak diinginkan berlaku di Sipadan dan Gunung Kinabalu," tegas beliau.

Musa dalam beberapa kenyataan sebelum ini melahirkan rasa kecewa dengan kegagalan pengurusan Taman-Taman Sabah memastikan projek pembangunan di Pulau Sipadan berjalan dengan baik tanpa merosakkan terumbu karang.



**MUSA AMAN**